


BAHASA BERWIBAWA NEGARA BERCIKRA

BAHASA MELAYU (BM) seperti juga bahasa-bahasa utama lain di dunia sudah mencapai status bahasa moden yang bersifat standard atau baku yang telah membolehkannya memainkan peranannya dengan cekap dan berkesan, baik sebagai bahasa rasmi negara, bahasa pengantar berbagai-bagai ilmu yang tinggi, bahasa persuratan mahupun bahasa perhubungan rakyat jelata.



Dewan Bahasa dan Pustaka memikul tanggungjawab yang berat untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa utama dunia.

USAHA-USAHA pemodenan dan pembakuan BM itu dilakukan secara terancang, khususnya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejajar dengan misinya untuk mempertingkatkan dan memperluas penggunaan BM, dan selari dengan peranannya sebagai jabatan kerajaan yang ditubuhkan khas untuk membina, membangunkan, mengilmukan dan mengembangkan BM agar bahasa itu dapat digunakan dalam semua bidang dan kehidupan rakyat Malaysia.

Jika ada yang berprasangka bahawa BM itu hendaklah terlebih dahulu diperkukuh dan diperhebat di dalam negara, dan barulah mengangkatnya ke persada ASEAN atau dunia, pandangan sedemikian tidaklah begitu wajar. Ini disebabkan daripada segi statusnya sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan, dan bahasa persuratan, BM sudah cukup berwibawa kerana bahasa itu sudah lengkap dari aspek tatabahasa, kosa kata dan istilahnya, termasuk ratusan judul buku pelbagai bidang ilmu sudah diterbitkan dalam BM, di samping puluhan aneka jenis kamus, tesaurus, daftar kata dan ensiklopedia juga sudah ada dalam BM. Antaranya

Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, Kamus Dewan Edisi Keempat (dan akan terbit pula Kamus Dewan Perdana), Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Tesaurus Bahasa Melayu Dewan, Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, dan berpuluh-puluh jenis kamus istilah.

Bahkan, Gerbang Maya Dewan Bahasa dan Pustaka menyediakan pelbagai portal dalam BM yang boleh diakses oleh semua pengguna digital seperti *e-Perkhidmatan, e-Komuniti, e-Penerbitan, e- Penyelidikan, e-Karya, Laman Web DBP, dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)* yang meliputi rujukan kamus Melayu dan Inggeris, istilah (Malaysia, Indonesia dan Brunei), ensiklopedia, puisi, bahasa sukuan (Sabah dan Sarawak), peribahasa, arkib Khidmat Nasihat DBP, tesaurus bahasa Melayu, dan sebagainya. Kesemua produk digital yang dihasilkan oleh DBP ini ialah penanda aras kewibawaan BM — hanya yang perlu dilaksanakan adalah dengan melengkapkan dan mencekapkannya dengan mempertingkatkan kandungannya dari semasa ke semasa agar sentiasa terkini dan relevan.

Bahasa Melayu juga merupakan bahasa persuratan yang berwibawa

sejak berdekad-dekad lamanya seperti yang terpancar dalam pelbagai karya sastera dan kitab serta karya agung yang dikarang dalam bahasa itu. Pelbagai jurnal seperti *Kanun, Malay Literature, dan Melayu*, dan berpuluh-puluh lagi jurnal dalam BM yang diterbitkan oleh pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini juga memperkukuh hujah bahawa BM itu memang sudah berwibawa di dalam negara ini. Berpuluh-puluh karya agung, karya besar kontemporari sudah tertulis dalam BM, selain ratusan judul buku ilmiah pelbagai domain ilmu sudah diterbitkan, baik oleh DBP mahupun oleh penerbit-penerbit universiti di seluruh Malaysia. Semua itu juga merupakan bukti bahawa BM itu sudah cukup berwibawa sebagai bahasa ilmu dan pengantar pendidikan di negara ini.

Contoh yang paling klasik yang memperlihatkan BM itu telah memiliki kewibawaan ialah lahirnya ribuan graduan serta golongan profesional pelbagai bidang ilmu yang berlatarbelakangkan pendidikan BM, dan terdidik dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan yang bahasa pengantarnya ialah BM.

Justeru, pernyataan yang mendakwa bahawa BM itu belum berwibawa, dan perlu diperkukuh kewibawaannya dalam negara sebelum disebarluaskan menjadi satu daripada bahasa ASEAN serta bahasa utama dunia, hanyalah suatu mitos yang sengaja diijakan oleh pihak-pihak tertentu. Pada hemat penulis, ada beberapa sebab yang membawa kepada wujudnya pandangan tidak produktif demikian.

Yang pertama, berkemungkinan pihak-pihak tersebut jahil tentang perkembangan drastik BM sebagai bahasa moden yang sudah cukup berwibawa, dan mantap — tentu sahaja dengan sifat dinamiknyanya sesuatu bahasa itu, di samping berkembangnya pelbagai bidang ilmu dan keperluan istilah-istilah baharu, BM perlu senantiasa dibina dan dimajukan agar bahasa itu dapat seiring dengan segala perkembangan semasa pelbagai bidang ilmu baharu itu. Perihal kedinamikan bahasa itu, termasuk BM tidak harus dilihat sebagai suatu kelemahan yang menjejaskan kewibawaan bahasa itu, lantas membuat generalisasi yang BM itu belum berwibawa di dalam negara sendiri. Oleh itu, BM dianggap hanya sesuai untuk digunakan dalam negara sahaja, dan tidak perlu dipromosikan ke serata dunia sebagai bahasa yang perlu dipelajari oleh penutur dan pelajar asing.

Yang kedua, kemungkinan juga ada pihak yang memang tegar jiwa, fikiran dan ego mereka kepada bahasa Inggeris (BI), lantas beranggapan segala ilmu itu hanya dapat diajarkan, dipelajari dan dikuasai berpenghantarkan BI, dan mereka yang berpendidikan BM itu standardnya lebih rendah daripada yang berpendidikan BI. Orientasi sikap dan fikiran demikian sudah tentu menyebabkan kalangan tersebut mencari seribu satu alasan untuk menidakkan kewibawaan BM, dan cenderung untuk memandang remeh usaha serta gerakan mempertahankan kedudukan dan kewibawaan BM sebagai bahasa rasmi, khususnya sebagai bahasa penghantar pendidikan dan bahasa yang melambangkan kedaulatan serta jati diri sesuatu bangsa, dan sesebuah negara yang merdeka. Puak-puak inilah, pada hemat penulis, yang masih giat mempromosikan Pengajaran dan



DBP mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa dan sebagai pusat rujukan bahasa orang awam.

Perihal kedinamikan bahasa itu, termasuk BM tidak harus dilihat sebagai suatu kelemahan yang menjejaskan kewibawaan bahasa itu, lantas membuat generalisasi yang BM itu belum berwibawa di dalam negara sendiri.

Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSMI) dalam BI yang ternyata gagal mengilmukan majoriti daripada pelajar di seluruh negara, khususnya para pelajar bumiputera dan luar bandar.

Yang ketiga, mungkin ada pihak yang memang sudah tertanam dalam fikiran mereka atau mereka ada stigma bahawa BM itu tidak setanding BI sebagai bahasa ilmu atau bahasa penghantar pendidikan di negara ini. Oleh sebab itu, lebih baiklah PPSMI dan program dwibahasa (DLP) itu dilaksanakan, dan tidak ada keperluan untuk mengangkat BM ke peringkat ASEAN dan antarabangsa.

Persepsi negatif begitu sudah tentu tidak wajar kerana terang-terang menidakkan kewibawaan BM sebagai bahasa rasmi, khususnya sebagai bahasa penghantar pendidikan, sekali gus memperlihatkan dekadennya penghormatan terhadap BM sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Implikasi daripada sikap demikian lebih memudaratkan program pembangunan dan pemodenan BM sebagai bahasa ilmu, dan satu daripada bahasa utama dunia jika mereka yang bersikap demikian adalah dalam kalangan politikus dan pihak berwenang yang berpengaruh, dan mereka yang mempunyai status sosial serta ketokohan yang dihormati dan disegani oleh masyarakat.

Seharusnya tidak wujud sikap prejudis terhadap kewibawaan dan kemampuan BM sebagai bahasa rasmi bagi semua urusan rasmi dalam negara ini, khususnya antara jabatan kerajaan, antara sektor awam dengan sektor swasta, dan sebaliknya, di samping sebagai bahasa penghantar pendidikan.

Seyogianya, pelbagai pihak, terutamanya pihak berwenang hendaknya memiliki iltizam politik yang tinggi dan mantap untuk memperkukuh kewibawaan BM, sekali gus menyokong dan mendukung segala usaha yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak, khususnya DBP, yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan merealisasikan dasar kerajaan, terutama yang berhubung kait dengan Perkara 152, Perlembagaan Negara serta perkara yang termaktub dalam Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. **PB**